



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

IADA BARAT LAUT SELANGOR DAN JABATAN PERTANIAN NEGERI LAKUKAN KAWALAN BERSEPADU TERHADAP SERANGAN SERANGGA PEROSAK

SABAK BERNAM, 17 Jun 2021 – Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah melakukan kawalan bersepadu terhadap serangan serangga perosak tanaman padi di kawasan Panchang Bedena dan Bagan Terap/Sungai Panjang.

Serangan ulat pengorek batang dan ulat gulung daun itu telah berlaku pertengahan bulan Mei 2021 melibatkan kawasan seluas 6,632.4 hektar sawah padi atau hampir 98% daripada luas keseluruhan iaitu 6,805.2 hektar kawasan tersebut.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti penggunaan racun yang berkesan, pengurusan jerami padi yang sempurna, penggunaan varieti benih padi yang seragam, penyediaan tanah sawah dengan sempurna, pelaporan segera kepada agensi pengurusan padi serta pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (*Rice Check*) yang telah digariskan oleh Jabatan Pertanian Malaysia untuk meningkatkan hasil dan mutu padi.

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, hari ini turun padang bagi meninjau kawasan tanaman padi yang terlibat dan bagi memastikan masalah serangan serangga perosak membabitkan tanaman padi di IADA Barat Laut Selangor ditangani dengan baik.

MAFI melalui Tabung Bencana Tanaman Padi akan menyalurkan bantuan kepada pesawah terjejas akibat serangan makhluk perosak ini tertakluk kepada penilaian oleh jawatkuasa yang telah ditetapkan.

MAFI juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah menyumbang sebanyak RM1.05 juta bagi membantu kawalan serangan ulat pengorek batang dan ulat gulung daun ini.

Pada lawatan sama, Dr Ronald juga meninjau tapak program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diusahakan oleh Syarikat FGV Holdings Berhad. Program SMART SBB ini adalah dibawah seliaan terus MAFI dan jalinan kerjasama dibuat bersama pihak swasta dengan sasaran untuk memacu pertumbuhan dan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah.

Selain itu, Menteri MAFI turut meninjau operasi di loji pengeluaran benih padi Syarikat Dataran Pusaka yang merupakan salah satu pengeluar benih padi. Ini bagi memastikan operasi loji-loji tidak terganggu dan berterusan sepanjang masa bagi memastikan pengeluaran benih padi yang berkualiti dan mencukupi bagi menampung keperluan penanaman padi pada musim akan datang.

Menteri MAFI juga telah melawat Kilang Beras Rakyat Sekinchan Sdn Bhd bagi melihat operasi kilang pemprosesan beras. Kerajaan akan memastikan operasi industri padi dan beras serta rantaianya sentiasa lancar dalam menjamin kelangsungan bekalan makanan ruji negara.

Turut hadir pada lawatan kerja ini, Timbalan I MAFI Datuk Seri Ahmad Bin Hamzah, Ketua Setiausaha MAFI Dato' Haslina Abdul Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Datuk Mohd Nasir Warris dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Azman Mahmood.

Turut hadir, Ahli Parlimen Sabak Bernam YB Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh dan Ahli Parlimen Sungai Besar YB Muslimin Yahya.

Dalam pada itu, susulan kepada pengumuman lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, pihak MAFI juga telah menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengurusan industri padi dan beras. Ianya merangkumi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

1. Aktiviti penanaman padi
2. Aktiviti pembajakan dan penuaian padi
3. Aktiviti penyelenggaraan sawah dan perparitan;
4. Aktiviti penggunaan *drone* bagi tujuan penaburan benih dan kawalan penyakit;
5. Aktiviti pengedaran *input* pertanian seperti baja, benih padi kepada pesawah;
6. Pengoperasian kilang benih padi, kilang beras dan kilang pembungkus beras;
7. Pengedaran dan logistik bagi tujuan pengedaran dan pemasaran beras; dan
8. Kilang pemprosesan produk berasaskan beras.

Semasa tempoh lanjutan ini, waktu beroperasi untuk pengusaha padi dan pengilang beras bagi tujuan aktiviti di atas juga dilanjutkan kepada 24 jam dengan kapasiti tenaga kerja berada pada tahap maksimum iaitu sebanyak 100%.

Ini berikutan pihak MAFI perlu memastikan aktiviti pengeluaran padi dan beras negara tidak terjejas dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0 ketika ini, sekaligus menjamin kecukupan stok beras negara.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
17 JUN 2021